



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (26)

SIARAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN PERKUKUH TADBIR URUS LAUT DAN KONSERVASI SPESIES TERANCAM

KOTA KINABALU, 2 Ogos 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia mengukuhkan lagi agenda kelestarian sumber perikanan negara menerusi pelaksanaan tiga inisiatif utama yang menyentuh aspek pemuliharaan spesies marin terancam, pemodenan sistem pengurusan perikanan, serta pembangunan produk berasaskan hasil tempatan.

Majlis sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 di Sabah telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, yang turut merasmikan pelancaran Sistem Pengurusan Kemasukan Vesel Penangkapan Ikan Asing ke Pelabuhan (e-PSM Malaysia). Dalam majlis yang sama, turut berlangsung pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perikanan Malaysia dan Marine Research Foundation (MRF), serta pelancaran produk baharu keluaran syarikat usahawan akuakultur tempatan.

Sistem ePSM Malaysia merupakan platform digital yang dibangunkan untuk mengurus permohonan kemasukan vesel penangkapan ikan asing ke pelabuhan Malaysia, selaras dengan Seksyen 15(2), Akta Perikanan 1985. Sistem ini berperanan mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan kawalan aktiviti perikanan oleh vesel asing di perairan Malaysia serta menyokong usaha negara dalam membanteras penangkapan ikan secara tidak sah, tidak dilapor dan tidak dikawal (IUU Fishing).

“Sistem e-PSM Malaysia merupakan satu lagi langkah strategik Jabatan Perikanan dalam memperkukuh tadbir urus sumber perikanan negara. Melalui digitalisasi proses kemasukan vesel penangkapan ikan asing ke pelabuhan, kita bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran dan ketelusan data, malah memperkukuh mekanisme kawalan terhadap aktiviti perikanan yang berisiko menjejaskan sumber laut negara. Sistem ini juga menyokong komitmen Malaysia dalam membanteras penangkapan ikan secara tidak sah atau *IUU Fishing* selaras dengan piawaian antarabangsa,” ujar Ketua Pengarah Perikanan, Dato’ Haji Adnan bin Hussain.

Setakat tahun 2024 dan 2025, Jabatan Perikanan Malaysia telah meluluskan kemasukan 20 buah vesel asing ke pelabuhan Malaysia dengan jumlah pendaratan sebanyak 550 tan metrik ikan tuna dan spesies seumpamanya di Pelabuhan Pulau Pinang. Sistem e-PSM Malaysia menyokong pengurusan ini menerusi ciri-ciri utama seperti pendaftaran atas talian, pemantauan masa nyata, kelulusan automatik dan manual, serta modul laporan dan statistik.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Dalam majlis yang sama, turut dimeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perikanan Malaysia dan Marine Research Foundation (MRF) sebagai platform kerjasama strategik dalam bidang kajian dan pengurusan pemuliharaan spesies marin terancam serta habitatnya. Skop kerjasama ini merangkumi pengurusan tangkapan tidak disengajakan (bycatch), pemeliharaan kepelbagaian biologi, adaptasi terhadap perubahan iklim, pengukuhan daya tahan ekologi dan sosioekonomi komuniti, serta penerapan sains dan teknologi dalam pengurusan ekosistem marin secara holistik. Perancangan pelaksanaan akan melibatkan sokongan padu daripada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perikanan Sabah (DOFS), Taman-Taman Sabah dan lain-lain pihak berkepentingan.

“Sejak tahun 2004, lebih RM20 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai usaha pemuliharaan marin negara. Kerjasama strategik ini membolehkan kita menggandakan impak menerusi pendekatan berasaskan sains, penglibatan komuniti dan tadbir urus bersepadu. Jabatan komited memastikan ekosistem marin Malaysia terus dilindungi, demi kesejahteraan generasi akan datang,” kata Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Dato’ Haji Adnan bin Hussain.

Sebagai usaha menyokong industri akuakultur dan mempelbagaikan sumber makanan berasaskan ikan tempatan, Jabatan Perikanan turut menyokong pelancaran produk makanan siap saji Sambal Hijau Filet Tilapia, keluaran syarikat tempatan ARC Berkat Agro Food Sdn. Bhd. Produk ini berasaskan tilapia ternakan segar daripada ladang akuakultur di bawah seliaan Jabatan, sekaligus menyokong agenda keterjaminan makanan dan pengkomersialan hasil tempatan.

HPPNK 2025 bukan sahaja menjadi wadah penghargaan kepada jasa peladang, penternak dan nelayan, malah turut berperanan sebagai platform strategik untuk memperlihatkan pencapaian dan kemajuan sektor agromakanan negara. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, Jabatan Perikanan Malaysia komited untuk terus memperkukuh agenda pemuliharaan sumber marin, mempertingkatkan inovasi dalam sistem pengurusan perikanan negara, serta memperluas peluang pasaran bagi produk berasaskan hasil tempatan menerusi pelaksanaan inisiatif yang lestari dan berimpak tinggi demi menjamin keterjaminan makanan serta kelestarian biodiversiti marin negara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my